

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

9. Mohon Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang senaraikan jumlah kilang-kilang yang bermasalah yang sering kali membuat pencemaran dalam kawasan Seberang Perai Selatan ini.
- (a) Apakah tindakan akan diambil sekiranya terdapat aduan pencemaran oleh kilang tersebut?
- (b) Adakah Jabatan Alam Sekitar akan ambil tindakan terhadap pembakaran terbuka oleh pihak individu?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Bilangan aduan pencemaran dari kilang di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari tahun 2016 hingga 31 Mac 2020 adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH ADUAN
2016	17
2017	14
2018	12
2019	15
2020	8

Daripada jumlah tersebut, terdapat empat (4) buah kilang yang sering mendapat aduan daripada orang awam. Kilang-kilang tersebut sentiasa dalam pemantauan dan pemeriksaan Jabatan bagi memastikan operasinya patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Berdasarkan siasatan terkini, tahap pematuhan kilang-kilang ini bertambah baik dari semasa ke semasa. Bagi kes-kes yang melibatkan kilang-kilang haram, pihak JAS akan bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

- (a) Setiap kilang yang terbukti gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan diambil tindakan yang sewajarnya. Tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:-
- (i) Notis arahan membasmi pencemaran;
 - (ii) Mengeluarkan perintah tahanan sementara mesin yang menyebabkan pencemaran;
 - (iii) Kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dan
 - (iv) Membuka kertas siasatan untuk pertimbangan Timbalan Pendakwaraya (TPR) bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah.

Selain itu, tindakan juga diambil oleh MBSP sekiranya terdapat aduan pencemaran oleh kilang-kilang seperti berikut:-

- (i) Mengeluarkan notis tawaran kompaun dan Notis Menghendaki Penghapusan Kacau Ganggu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi menghapuskan pencemaran yang telah dibuat oleh pihak kilang;
- (ii) Mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada kilang serta mengambil tindakan pembatalan lesen perniagaan MBSP sekiranya notis tidak dipatuhi; dan

- (iii) Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, MPSP 1980.

- (b) JAS akan mengambil tindakan ke atas premis atau individu yang melakukan pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu mereka yang disabitkan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan tindakan mahkamah dengan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.